

41 - 2448

SERATUS NEGARA



ASIA TENGGARA 1

BC TAN

CONCEPT

PENERBIT PRISMA SDN BHD

Cetakan Pertama 1995

|SBN 983-823-319-6 (SIRI)
983-823-310-2

© Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula dalam bentuk dan apa cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis daripada:

PENERBIT PRISMA SDN BHD

129, Jalan SS25/2, Taman Mewah
47301 Petaling Jaya, Selangor
tel: 03-7034393 / 7034397 Fax 03-7039367

Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No. Ahli: 8702

Dicetak oleh:
Yeohprinco Sdn. Bhd.


APB 744487
NASKHAR PEMERINTAHAN
09 AUG 1996 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

AT
959
TAN

KANDUNGAN

Malaysia			
Muka bumi dan saliran	2	Kegiatan ekonomi	24
Iklim	2	Sejarah	26
Tumbuhan dan hidupan liar	2		
Kegiatan ekonomi	4	Brunei	
Sistem kerajaan	7	Muka bumi, sungai dan saliran	29
Pendidikan	8	Ekonomi	30
Sejarah	9	Sistem kerajaan	32
		Penduduk	33
		Sejarah	34
Indonesia			
Muka bumi dan saliran	12	Filipina	
Iklim	14	Penduduk	37
Tumbuhan dan hidupan liar	14	Ekonomi	37
Kegiatan ekonomi	15	Sistem kerajaan	39
Penduduk dan sejarah	19	Sejarah	40
		Indeks	42
Singapura			
Muka bumi, sungai dan saliran	22		
Iklim	22		
Tumbuhan dan hidupan liar	23		

DUNIA





MALAYSIA

Nama rasmi: Malaysia

Keluasan: 329 747 km persegi

Negara jiran: Singapura, Brunei, Indonesia dan Thailand.

Ibu negara: Kuala Lumpur

Ketua Negara: Yang Di Pertuan Agong

Ketua Kerajaan: Perdana Menteri

Mata Wang: 1 ringgit (RM) = 100 sen

Bahasa Rasmi: Bahasa Melayu

Agama Rasmi: Islam

Import: Mesin dan alat-alat pengangkutan, barang siap, kimia dan makanan.

Eksport: Petroleum mentah, balak, minyak kelapa sawit dan getah.

Malaysia terdiri daripada Malaysia Barat dan Timur, terpisah kira-kira 650km oleh Laut China Selatan dan meliputi kawasan seluas 329 747 km persegi. Ibu negaranya ialah Kuala Lumpur. Malaysia Barat bersempadan dengan Negara Thai di sebelah utara; Republik Singapura di sebelah selatan (bersambung melalui tambak); dan Pulau Sumatera di sebelah barat daya (merentasi Selat Melaka).

Malaysia Timur terdiri daripada Sabah dan Sarawak yang meliputi hampir sebahagian besar perairan barat laut Pulau Borneo. Kedua-dua wilayah ini berkongsi sempadan antara satu sama lain dan dengan wilayah Indonesia (Kalimantan). Malaysia merupakan salah sebuah negara terkaya di Asia, dengan kedudukannya di tengah-tengah Asia Tenggara yang mengawal laluan laut utama di dunia iaitu Selat Melaka.



Bunga raya, bunga kebangsaan Malaysia.

Muka bumi dan Saliran

Sebahagian besar Malaysia Barat adalah bergunung-ganang (separuh daripada jumlah tanahnya mempunyai ketinggian 150 m dari padas aras laut) dan mengandungi beberapa banjaran gunung utara-selatan yang selari. Banjaran Titiwangsa sepanjang 500 km adalah tulang belakangnya. Tanah rendah di sebelah barat merupakan kawasan paling padat penduduk. Di sebelah timur pula umumnya masih diliputi hutan tebal dan berpaya.

Di Malaysia Timur, dataran-dataran pantai lebih lebar di bahagian timur dan menjadi bukit dan lembah, seterus membentuk teras per-



Gunung Kinabalu

gunungan yang mempunyai penaikan di antara 1,200 m hingga 2,000 m. Gunung Kinabalu, puncak tertinggi di Malaysia terletak jauh di timur laut dengan ketinggian 4,101 m (13 455 kaki).

Sungai Pahang (435 km) merupakan sungai terpanjang di Malaysia Barat manakala di Malaysia Timur ialah Sungai Rajang di Sarawak dan Sungai Kinabatangan di Sabah.

Iklim

Malaysia mengalami iklim khatulistiwa yang kuat dipengaruhi monsun timur laut (November-Mac) dan monsun barat daya (Jun-Okttober). Purata suhu tahunan di antara 25-30° C di kawasan tanah rendah dan 22-28° C di kawasan pergunungan di bahagian pedalaman. Purata hujan tahunan adalah sangat tinggi iaitu 2,500 mm di Semenanjung Malaysia, 2,300 mm di Sarawak dan 3,300 mm di Sabah.



Tumbuhan dan Hidupan Liar

Iklim panas dan lembap membolehkan tumbuhan tropika padat tumbuh dengan banyaknya.

► Orangutan, pernah dipilih sebagai maskot Tahun Melawat Malaysia.

Hutan hujan masih meliputi sebahagian besar Malaysia, diikuti oleh hutan paya.

Hutan hujan di Malaysia memang kaya dengan floranya. Dianggarkan terdapat lebih daripada 8,000 spesies tumbuhan berbunga. Dalam kawasan seluas 0.4 hektar, terdapat sehingga 100 spesies berbeza yang terdiri daripada jenis-jenis herba, renek, parasit dan tumbuhan menjalar.


Kebanyakan hutan hujan asal yang telah musnah adalah akibat daripada pertanian pindah yang dilakukan oleh orang asli. Apabila tanah lapang seumpama itu ditinggalkan, tumbuh pula tanah rumput yang kasar dan pokok-pokok renek. Bagaimanapun, tumbuh-tumbuhan jenis ini hanya meliputi sebahagian kecil kawasan.

Pelbagai jenis hidupan liar terdapat di hutan Malaysia. Jenis mamalia termasuklah gajah, harimau, seladang, badak air, tapir & babi liar, dan banyak jenis rusa, termasuklah pelanduk. Buaya, biawak, ular tedung



▲ Keindahan bentuk rupa bumi pantai timur menjadikannya kawasan tarikan pelancong yang popular di Malaysia.

Malaysia mengalami iklim khatulistiwa yang menghasilkan hutan hujan tropika yang lebat dengan tumbuh-tumbuhan. Selain daripada itu, hutan hujan di Malaysia juga kaya dengan flora.



Penyu bertelur di Rantau Abang turut menjadi daya tarikan pelancong.

dan raja tedung adalah di antara binatang asal di negara itu, manakala penyu bertelur hampir sepanjang tahun di perairan Pantai Timur.

Kegiatan ekonomi

Ekonomi Malaysia adalah di antara ekonomi paling teguh di Asia Tenggara. Pasaran ekonomi banyak bergantung pada pengeluaran dan eksport bahan-bahan mentah seperti petroleum, getah, timah, koko dan kelapa sawit.

Keluaran Negara Kasar (KNK) berkembang lebih pesat daripada pertumbuhan penduduk. Pendapatan KNK perkapa juga merupakan ketiga tertinggi di Asia Tenggara, selepas Brunei dan Singapura.


Iklim ekonomi dijangka terus menokok pada masa akan datang dengan terangkanya visi 2020. Melalui wawasan ini Malaysia berhasrat untuk muncul sebagai negara industri termaju di rantau Asia.

Perancangan ke arah itu sudah pun bermula sejak awal tahun 1980-an dengan pembikinan kereta nasional secara usaha sama dengan sebuah syarikat Jepun.

Sumber Semula jadi

Bahan mineral banyak terdapat di Malaysia. Di Malaysia Barat, bahan mineral yang utama adalah petroleum mentah, timah, bijih besi, bauksit, batu arang, emas, tungsten, dan tanah liat (kaolin). Petroleum mentah, antimoni, raksa, emas, batu arang, bauksit dan pasir (untuk dibuat kaca) pula banyak terdapat di Sarawak. Bahan mineral utama di Sabah adalah tembaga.

Petroleum adalah bahan eksport yang paling



▲ ▶ *Ladang kelapa sawit di Pulau Carey. Kelapa sawit, tanaman utama selepas getah, dieksport dalam bentuk minyak.*

penting. Malaysia merupakan salah satu pengeluar terbesar petroleum mentah di Asia. Kebanyakan petroleum digali di luar pantai Terengganu dan Sarawak. Usaha mencarigali bahan ini sedang giat dijalankan.

Pertanian

Suatu masa dahulu getah merupakan tanaman eksport yang utama di Malaysia. Namun



kini penghasilan getah telah banyak merosot. Sebagai ganti kelapa sawit pula muncul sebagai tanaman eksport yang utama.

Selain kelapa sawit dan getah, hasil-hasil hutan turut memberi sumbangan yang besar terhadap peningkatan ekonomi negara ini.

Selain itu, padi merupakan tanaman makanan yang utama.

Pembalakan

Sektor pembalakan turut menjadi sumber eksport, terutamanya di Malaysia Timur. Kayu-kayu balak tropika memberikan tukaran wang asing yang ketiga besarnya bagi Malaysia, selepas petroleum mentah dan getah. Kebanyakan balak dieksport ke Jepun dan Eropah.



Sektor pembalakan di Sarawak.

Pengangkutan

Rangkaian jalan raya di Malaysia Barat berkembang pesat, terutama di jaluran timah dan getah. Bagaimanapun, di Sabah dan Sarawak masih kekurangan, kebanyakannya bergantung pada pengangkutan sungai.

Rangkaian jalan raya di Semenanjung dianggap terbaik di Asia Tenggara. Jalinan kereta api juga berkembang pesat di



Nelayan-nelayan Pantai Timur sedang menangkap ikan.

Perikanan

Industri perikanan masih belum diterokai sepenuhnya meskipun perairan negara ini kaya dengan ikan pelbagai jenis.

Kebanyakan nelayan tempatan masih menumpukan kegiatan mereka pada kawasan pesisir pantai yang cetek. Hanya baru-baru ini usaha menangkap ikan di kawasan laut dalam mula menampakkan kesungguhan.

Hasil import Malaysia yang utama ialah jentera, alat ganti kenderaan, makanan dan barang-an pengguna.



▲ ► *Sistem Penerbangan Malaysia, menawarkan perkhidmatan ke seluruh destinasi utama di dunia. Rangkaian jalan raya di Semenanjung Malaysia.*

Semenanjung, berbanding di Sabah dan Sarawak. Penerbangan udara menjadi semakin penting. Sistem Penerbangan Malaysia ditubuhkan dalam tahun 1971 dan beroperasi ke seluruh destinasi utama di dunia.

Sistem Kerajaan

Yang di-Pertuan Agong adalah ketua negara. Namun begitu menurut perlembagaan Malaysia,



MALAYSIA

baginda tidak boleh melibatkan diri dalam urusan pentadbiran dan politik negara. Baginda adalah lambang perpaduan dan kedaulatan bangsa Malaysia.

Kuasa yang sebenarnya terletak pada Perdana Menteri. Beliaulah yang menentukan hala tuju negara. Di tangannya terletak segala keputusan penting. Menteri-menteri kabinet dilantik untuk membantu beliau mentadbir negara serta menetapkan segala perancangan untuk membangunkan negara.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasanya sendiri tetapi sejauh mana bidang kuasa tersebut dapat dilaksanakan tertakluk pada garis panduan yang diberi oleh kerajaan pusat. Setiap negeri di Malaysia mempunyai sultan kecuali Negeri Sembilan (Yang Dipertuan Besar), Pulau Pinang, Melaka dan Sarawak (Gabenor), dan Sabah (Yang Dipertuan Negara). Pilihanraya di Malaysia diadakan setiap 5 tahun sekali.

Pendidikan

Polisi kerajaan ialah menyediakan sekurang-kurangnya sembilan tahun pendidikan kepada setiap kanak-kanak Malaysia. Bagi mereka yang cemerlang, pilihan melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi boleh dibuat antara beberapa buah universiti yang terdapat di negara ini. Universiti-universiti tersebut ialah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian, Universiti Teknologi, Institut Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara dan Universiti Malaysia Sarawak.

Latihan-latihan vokasional dipertingkatkan sebagai persediaan mencapai taraf negara industri yang setanding dengan Korea, Jepun dan Taiwan.



Kanak-kanak menikmati taraf hidup yang lebih sempurna ekoran daripada peningkatan taraf kesihatan di Malaysia.

Taraf kesihatan di Malaysia berada pada tahap yang memuaskan. Kemudahan rawatan diberi secara percuma kepada rakyat yang kurang berkemampuan. Rakyat yang miskin tidak pernah diabaikan. Pelbagai program untuk membasi kekiskinan telah dilancarkan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Sejarah

Bumi Malaysia atau suatu ketika dahulu pernah dikenali sebagai Tanah Melayu, telah dihuni manusia purba sejak lebih 6 000 tahun yang lalu. Kesan-kesan sejarah peninggalan manusia zaman batu banyak ditemui oleh para arkeologi di beberapa tempat di negara ini.

Sesuatu yang ketara apabila sejarah Tanah Melayu disoroti kembali, ialah pengaruh Hindu. Pengaruh Hindu tua bukan sahaja kuat di sini malah selama lebih 1 000 tahun seluruh rantau Asia waktu itu dibayangi oleh beberapa kerajaan Hindu yang kuat. Hanya selepas kedatangan Islam, barulah pengaruh Hindu mulai luput secara perlahan-lahan dan akhirnya kegiatan mereka hanya terhad di sekitar Bali.

Orang yang bertanggung jawab meng'Islam'kan Tanah Melayu ialah Parameswara. Pusat pemerintahan baginda ialah Melaka. Di bawah pemerintahan baginda dan sultan-sultan selepasnya, Melaka berkembang menjadi pusat dagangan



Bangunan bersejarah, Porta de Santiago, Melaka.

yang tersibuk di rantau Asia. Kemahsyuran Melaka sampai ke Eropah, menyebabkan saudagar-saudagar Eropah yang kaya raya berlumba-lumba menghantar kapal untuk

mengaut keuntungan di sini. Pada tahun 1511, Melaka jatuh ke tangan Portugis. Kemudian datang pula bangsa Belanda lalu merampas Melaka dari tangan Portugis pada tahun 1641.

Pada abad ke-18, orang Bugis dari kepulauan Celebes berhijrah ke Tanah Melayu lalu membuka beberapa penempatan-penempatan baru di Selangor dan Johor.

Penglibatan kerajaan British dalam sejarah perkembangan Tanah Melayu bermula pada tahun 1819. Pada tahun ini mereka berjaya memujuk Sultan Johor menyerahkan pulau Singapura kepada kerajaan Inggeris.

Menjelang tahun 1867, Negeri-Negeri Selat telah ditubuhkan. Negeri-negeri tersebut terdiri daripada Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

Pada tahun 1941, Jepun menawan Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris terpaksa angkat kaki dengan perasaan malu. Selepas tamat perang British kembali semula ke Tanah Melayu tetapi ketika ini rakyat sudah bosan diperintah oleh



▲ Antara bangunan-bangunan berasal yang boleh dinikmati hingga kini; malah ada di antaranya yang dibahsuai untuk memastikan keindahannya tidak luntur dan boleh dinikmati oleh generasi akan datang.

bangsa asing. Mereka menuntut dimerdekaan secepat mungkin.

Setelah beberapa kali tertangguh, kerajaan British akhirnya dengan berat hati memenuhi tuntutan itu. Malaysia diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos, 1957. Kini, masyarakat berbilang bangsa dan keturunan serta agama, mengecap hidup yang harmoni dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.



INDONESIA

Nama rasmi: Republik Indonesia

Keluasan: 1 919 317 km persegi

Negara jiran: Malaysia dan Papua New Guinea

Ibu negara: Jakarta

Ketua Negara: Presiden

Ketua Kerajaan: Presiden

Mata Wang: 1 rupiah

Bahasa Rasmi: Bahasa Indonesia

Agama Rasmi: Islam

Import: Alatan pengangkutan dan mesin, bahan-bahan mentah dan minyak mineral.

Eksport: Petroleum mentah, gas asli, papan lapis dan pakaian.

Republik Indonesia terdiri daripada 13 670 buah pulau (7 000 daripadanya tiada berpenghuni) dan meliputi kawasan seluas 1 919 317 menjadikannya negara terbesar di Asia Tenggara. Terletak di tenggara Asia, Indonesia menganjur kira-kira 5 100 km dari pulau Sumatera ke barat hingga ke New Guinea di timur dan kira-kira 1 600 km dari utara ke selatan.



Tanaman padi lereng bukit seperti dalam gambar ini banyak diamalkan oleh petani-petani Indonesia.

Lautan Hindi terletak di sebelah selatan dan barat Indonesia. Laut Andaman pula di sebelah barat daya dan di sebelah utaranya pula terdiri daripada Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Celebes dan Lautan Pasifik. Penduduknya dianggarkan berjumlah 182,650,400 orang (1990) menjadikan Indonesia negara kelima mempunyai penduduk paling ramai di dunia.

Muka bumi dan Saliran

Umumnya, bentuk muka bumi utama di Indonesia terdiri daripada gunung-gunung berapi yang diliputi oleh hutan tropika yang padat. Pulau-pulau utama termasuklah Sumatera, Jawa, Bali, Sulawesi, Lombok, Sumbawa, Flores dan Timor.

Kalimantan yang terletak di dalam pulau Borneo (pulau ketiga terbesar di dunia) meliputi hampir 3/4 daripada keluasan pulau dan terdiri daripada gunung-ganang dan hutan tebal, manakala kawasan pantainya berlanar.

Pulau Sulawesi terletak di sebelah timur Pulau Borneo sementara kepulauan Maluku pulau terletak di sebelah timur Sulawesi. Irian Jaya terletak di bahagian barat Pulau New Guinea.

Terdapat lebih 220 gunung berapi yang masih aktif. Gunung Krakatau meletup dalam tahun 1883. Abunya terhambur setinggi 26 km dan menyelebungi kawasan luas sehingga 6,000 km persegi. Sebanyak 36 000 jiwa



Batam, pulau yang berkembang pesat sebagai pusat pelancongan kerana rupa bumiinya yang menarik.



Sebahagian besar Indonesia dilitipi hutan hujan tropika.

terkorban. Letupannya kedengaran hingga ke Myanmar dan Australia. Gunung Agung di Bali pula meletup dalam tahun 1963 setelah terpadam selama hampir 140 tahun. Gunung tertinggi di Indonesia ialah Gunung Jaya (5,030 m) yang terletak di Irian Jaya.

Umumnya, sungai-sungai di Indonesia adalah pendek dan mengalir dari gunung-gunung di kawasan pedalaman menuju ke laut.

Sungai-sungai yang panjang kebanyakannya terdapat di Kalimantan seperti Kapuas, Barito dan Mahakam. Sungai-sungai besar



Gunung Merapi di Jawa Tengah

seperti Baliem, Mamberamo dan Digul pula terletak di Irian Jaya.

Iklim

Indonesia mengalami iklim tropika yang pada umumnya panas dan lembap. Purata suhu tertinggi terdapat di kawasan pantai iaitu antara 23-31° C. Satu-satunya kawasan yang menerima salji ialah Pergunungan Maoke di Irian Jaya. Di Jakarta, suhu tertinggi yang pernah tercatat ialah 37° C dan terendah 19° C.

Jatuhan hujan adalah banyak sepanjang tahun, meliputi keseluruhan Indonesia. Hujan paling lebat berlaku dari bulan Disember hingga Mac. Jatuhan hujan tertinggi terdapat di kawasan-kawasan pergunungan di Sumatera, Kalimantan, Sulawesi dan Irian Jaya, iaitu lebih 3,000 ml (120 inch) setahun.

Dari bulan Disember hingga Februari, monsun barat membawa hujan lebat ke selatan Sumatera, Jawa dan Kepulauan Sunda Kecil. Dalam bulan Jun, Julai dan Ogos pula, kawasan-kawasan tersebut dilanda monsun timur yang membawa udara kering dari Australia. Kedudukan Sumatera dan Kalimantan yang berdekatan dengan garisan khatulistiwa, tidak mengalami sebarang musim kering sungguhpun jatuhan hujan agak kurang dalam bulan Julai dan Ogos.

Tumbuhan dan Hidupan Liar

Sebahagian besar Indonesia masih dilitupi hutan hujan tropika yang asal. Irian Jaya dan

bahagian timur Kalimantan masih dilitupi hutan manakala di pulau-pulau yang padat penduduk seperti Jawa dan Bali, cuma sebahagian kecil daripada kawasannya berhutan.

Terdapat lebih kurang 40 000 spesies bunga, termasuk 5,000 spesies orkid dan juga bunga terbesar di dunia, Rafflesia, serta lebih 3,000 spesies pokok yang terdiri daripada durian, cendana, pelbagai jenis balak seperti pokok jati, cengal dan juga rotan.

Jenis tumbuh-tumbuhan yang utama ialah campuran hutan hujan tropika tanah tinggi dan tanah rendah yang tumbuh di bawah paras 5 000 kaki.



Rafflesia

Antara ciri-ciri pokok tersebut termasuklah pokok kanopi tinggi, pokok banir yang berkayu, dan tumbuh-tumbuhan memanjang.

Di kawasan yang melebihi 5 000 kaki, hutan tanah tinggi sederhana terdiri daripada spesies-spesies seperti pokok oak, laurel dan magnolia. Paya bakau terdapat dengan banyaknya di sepanjang laut cetek di timur Sumatera, selatan Kalimantan dan tenggara Irian Jaya. Terdapat pelbagai spesies hidupan liar di Indonesia, ekoran daripada kedudukan negara itu di dalam

zon peralihan di antara alam fauna; iaitu dunia Asia di barat dan Australia di timur.

Komuniti binatang Asia termasuklah jenis mamalia seperti orangutan, badak sumbu, tapir, harimau dan gajah. Binatang-binatang yang dikatakan berasal dari fauna Australia pula ialah jenis-jenis burung seperti kakak tua, cenderawasih dan *bower*, jenis binatang marsupial seperti tikus *bandicoot* dan monyet *cuscus*.

Spesies monyet probosis yang unik hanya didapati di Kalimantan manakala babirusa dan anoa hanya boleh ditemui di Sulawesi.

Cicak gergasi jenis Komodo (sepanjang 12 kaki) terdapat di antara Sumbawa dan Flores. Orangutan pula merupakan haiwan asal di Borneo dan Sumatera.

Cicak gergasi Komodo



Kegiatan Ekonomi

Sejak merdeka, Indonesia memainkan peranan yang sederhana di dalam perkembangan ekonomi dunia. Indonesia merupakan peng-

eksport utama petroleum, gas asli dan timah. Indonesia turut menjadi salah satu pembekal utama getah dunia di samping menjadi pengeluar sampingan bagi barang komoditi seperti kopi, teh, tembakau, kopra dan barang-barang daripada kelapa sawit.

Indonesia masih menjadi negara pengimport utama bagi barang-barang pembuatan dan juga tenaga-tenaga mahir dari segi teknikal dan ilmu pengetahuan.

Sejak pertengahan tahun 60-an, kerajaan telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan perkembangan ekonomi negara. Satu siri Rancangan Lima Tahun diperkenalkan; memberi penekanan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan infrastruktur dalam ekonomi terutamanya untuk sektor pertanian, pengairan, pengangkutan dan juga sistem komunikasi.

Sumber galian

Indonesia mempunyai simpanan mineral yang banyak, termasuklah petroleum, timah, mangan, tembaga, nikel, bausit dan batu arang.

Timah diperolehi di pulau-pulau Bangka, Singkep dan Belitung serta bahagian barat daya Kalimantan. Nikel dilombong di Sulawesi, Halmahera dan pulau-pulau di Maluku dan Irian Jaya. Simpanan mangan yang banyak dijumpai di Jawa tengah, Sumatera, Kalimantan,

Sulawesi dan Timor. Pengeluaran tembaga pula dilakukan di Pergunungan Jayawijaya di Irian Jaya. Kepulauan Riau, Bangka, Singkep dan Kalimantan mempunyai simpanan bauksit manakala batu arang dilombong di Sumatera dan Kalimantan.

Perlombongan

Sektor perlombongan menghasilkan kira-kira 1/8 daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Tenaga kerja yang terlibat adalah kurang tetapi melalui eksport dan pencukaian, sektor itu memberikan sumbangan yang penting terhadap pendapatan tukaran asing dan perkembangan ekonomi. Hasil-hasil perlombongan termasuklah petroleum, timah, batu arang dan emas. Indonesia turut menjadi pengeluar tembaga, nikel, mangan dan bahan-bahan mineral yang lain.

Perhutanan

Indonesia memiliki kawasan hutan tropika antara yang terbesar di dunia (yang boleh dieksplotasikan) dan semenjak tahun 1960, industri pembalakan di negara itu telah berkembang dengan pesat.

Pertanian

Iklim monsun yang konsisten dan jatuhnya hujan yang setara di Indonesia memungkinkan jenis-jenis tanaman yang sama ditanam di



Kawasan tanaman padi berteres di Sulawesi.

seluruh negara. Bagaimanapun, dari keseluruhan jumlah permukaan tanah, cuma 1/10

dikhususkan untuk pertanian. Pertanian intensif terhad di Jawa, Bali, Lombok dan kawasan-kawasan tertentu di Sumatera dan Sulawesi. Kebanyakan kawasan di Jawa ditanami padi, terutamanya di sepanjang pantai utara dan dataran-dataran tengah.

Kawasan kering seperti di bahagian timur pulau, mengusahakan tanaman ladang secara kecil-kecilan. Tanaman yang ditanam termasuk-



Tanaman getah

lah jagung, ubi kayu, ubi keledek, kacang tanah dan kacang soya. Tembakau dan kopi pula menjadi tanaman kontan yang utama.

Pertanian di Sumatera dan pulau-pulau lain adalah kurang intensif dan lebih bersifat tanaman estet. Hampir separuh daripada keseluruhan tanah di Sumatera mengusahakan tanaman estet, terutamanya kawasan pantai di bahagian timur laut. Di daerah Padang barat, beras, jagung dan ubi kayu ditanam.

Getah masih merupakan komoditi utama walaupun penanaman semula melibatkan suatu proses jangka panjang. Berbeza pula dengan negara jiran seperti Malaysia, kebanyakan estet di Indonesia tidak dimodenkan pada tahap yang sama dengan negara jirannya.

Secara keseluruhan, sektor pertanian menyumbangkan 1/4 daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan melibatkan lebih separuh daripada tenaga kerja.

Perindustrian

Barang gantian import dan sokongan untuk sektor pertanian merupakan dua tujuan utama dalam polisi perindustrian di Indonesia. Barang gantian import lebih ditekankan terhadap barangan komoditi seperti makanan, tekstil, baja dan simen.

Kebanyakan industri besar dimiliki negara-kangan dan memproses hasil-hasil pertanian dan galian. Syarikat dan kumpulan yang memiliki

estet pula biasanya mengawal estet mereka sendiri. Kebanyakan industri kecil dimiliki oleh masyarakat cina. Industri-industri tersebut termasuklah membuat barang pengguna seperti perabot, peralatan rumah, kain dan



Batik, hasil perusahaan tangan yang popular di Jawa Tengah.

bahan-bahan bercetak. Pusat utama bagi industri persendirian ini ialah di Jawa.

Industri utama yang berdasarkan bahan mentah yang diimport ialah industri tekstil. Kebanyakan kilang pintal dimiliki negarakan dan tidak kurang juga dimiliki oleh syarikat asing manakala kilang-kilang tenun dan pakaian siap dimiliki oleh ahli-ahli perniagaan tempatan yang mengusahakannya secara kecil-kecilan. Semuanya berpusat di Bandung.

Batik, hasil perusahaan tangan yang popular, berpusat di Jawa tengah. Batik masih merupakan industri kotej yang utama di Indonesia.

Pengangkutan

Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada beribu-ribu pulau, pengangkutan laut memainkan peranan yang penting untuk memasarkan hasil-hasil pertanian dan bahan mentah ke pasaran luar. Keadaan fizikal semula jadi Indonesia juga menyebabkan perkembangan pengangkutan laut lebih kepada mengangkut muatan manakala pengangkutan udara untuk mengangkut penumpang.

Dalam negeri, jalan raya menjadi pengangkutan utama. Pulau-pulau yang mempunyai rangkaian jalan raya yang baik termasuklah di Jawa, Madura dan Sumatera.

Perusahaan Jawatan Keretapi (PJKA) Indonesia juga beroperasi di Jawa, Madura dan Sumatera. Muatan yang diangkut meng-

gunakan kereta api termasuklah simen, baja, batu arang, besi dan keluli, dan minyak.

Kebanyakan pusat petempatan terletak berhampiran dengan laut. Oleh itu pengangutan laut memainkan peranan utama untuk mengangut penumpang dan juga muatan. Antara pelabuhan-pelabuhan penting termasuklah Tanjung Perik di Jakarta; Tanjung Perak di Surabaya; Belawan di Medan; Semarang dan Cerebon di Jawa dan Teluk Bayur di Sumatera. Barang komoditi utama yang diangkut menggunakan perkhidmatan laut ialah petroleum, beras, kopra, simen, baja, minyak kelapa, garam, getah, asfalt dan kayu gergaji.

Perkhidmatan udara antarabangsa terdapat di Jakarta, Medan dan Denpasar. Beberapa bandar raya utama di Sumatera membuat perkhidmatan yang terhad ke Malaysia, juga perkhidmatan dari Yogyakarta ke Jepun dan dari Irian Jaya ke Papua New Gunea. Penerangan kebangsaan Indonesia ialah Garuda.

Penduduk dan Sejarah

Semasa zaman neolitik hingga kira-kira 1000 S.M, orang Proto-Melayu yang bertutur bahasa Austronesia berhijrah dari tanah besar Asia di pulau-pulau yang terdapat di Indonesia. Keturunan inilah yang menduduki Indonesia masa kini.

Pada permulaan era Kristian, hubungan

komersil dengan China bermula pengaruh-pengaruh budaya Hindu dan Budha dari India mula menguasai kepulauan Indonesia. Di antara abad ke-9 dan ke-13, kerajaan Melayu Srivijaya berkembang di Semenanjung Melayu, barat Jawa dan Sumatera. Akhir abad ke-12, kuasa kerajaan Srivija mulai lemah, manakala kerajaan Majapahit Jawa mula menguasai Indonesia.

Dalam abad ke-13, Islam dibawa masuk ke utara Sumatera oleh pedagang-pedagang Muslim India dan agama ini berkembang ke pulau-pulau lain selama dua abad, kecuali Bali yang masih mengekalkan budaya dan agama Hindu. Bagaimanapun, era Majapahit berakhir pada lewat abad ke-15.

Orang Eropah yang dipercayai mula-mula mengunjungi Jawa dan Sumatera ialah Marcopolo, iaitu dalam tahun 1292. Manakala pedagang-pedagang Portugis pula tiba di Maluku (Kepulauan Rempah), dalam tahun 1511 untuk mencari rempah ratus, dan ini diikuti oleh pedagang-pedagang Sepanyol, Belanda dan Inggeris.

Awal abad ke-17, Syarikat Hindia-Timur Belanda menguasai perdagangan rempah dan kopi. Pada mulanya mereka cuma berminat dalam perdagangan tetapi akhirnya mengisyitiharkan diri mereka sebagai pemerintah jajahan Jawa, Sumatera dan Maluku. Ibu pejabat Syarikat ditubuhkan di Batavia (kini Jakarta).



Candi Borobudor di Bali, dianggap salah satu tokong Buddha paling bersejarah yang pernah dibina.

Pada akhir abad ke-17, penjajahan Belanda menguasai ekonomi dan politik hampir kesemua pulau di Indonesia. Penguasaan Belanda terhadap Indonesia terganggu sekejap pada pertengahan abad ke-20 apabila Syarikat Hindia Timur British mengambil alih kuasa dari 1811 hingga 1816. Gabenor Inggeris pada ketika itu ialah Sir Stamford Raffles yang menubuhkan Singapura dalam 1918.

Raffles memperkenalkan sistem pemerintahan sendiri yang tertentu dan memansuhkan perdagangan hamba abdi. Apabila Inggeris memenangi Perang Waterloo menentang Maharaja Napoleon, Belanda kembali ke Indonesia. Bagaimanapun sekali lagi mereka dipaksa keluar oleh Jepun dalam tahun 1942.

Sebelum itu, dalam tahun 1972, Parti Nasionalis ditubuhkan di bawah pimpinan Sukarno.

Selepas Jepun menyerah diri pada tentera bersekutu dalam tahun 1945, Sukarno mengisyitarkan kemerdekaan Indonesia. Empat tahun berikutnya, Belanda cuba untuk berkuasa semula tetapi akhirnya dalam tahun 1949, mereka menyerahkan kemerdekaan secara rasmi kepada Indonesia. Bagaimanapun, Belanda keluar sepenuhnya dari Indonesia pada tahun 1956.

Persekutuan Indonesia ditubuhkan dan Sukarno menjadi Presiden.

Dalam tahun 1965, satu rampasan kuasa di bawah pimpinan Jeneral Suharto berlaku dan beliau akhirnya menjadi Presiden dalam tahun 1968. Suharto kekal menjadi Presiden sehingga tahun 90-an.



SINGAPURA

Nama rasmi: Republik Singapura

Keluasan: 622 km persegi

Negara jiran: Malaysia dan Indonesia

Ibu negara: Singapura

Ketua Negara: Presiden

Ketua Kerajaan: Perdana Menteri

Mata Wang: 1 Dollar Singapore = 100 cents

Bahasa Rasmi: Inggeris, Melayu dan Mandarin

Agama Rasmi: Tiada

Import: Petroleum mentah, peralatan pejabat dan telekomunikasi, hasil petroleum, mesin berkuasakan elektrik dan peralatan saintifik.

Eksport: Peralatan pejabat, pakaian, mesin industri dan getah mentah.


R

epublik Singapura terletak di selatan Semenanjung Malaysia, kira-kira 137 km ke utara dari garisan Khatulistiwa.

Pulau utama ialah Pulau Singapura dengan keluasan 572 km persegi. Selain itu terdapat lima puluh buah pulau kecil yang kebanyakannya tidak berpenghuni. Bahagian utara Pulau Singapura terpisah dari Malaysia Barat oleh Selat Johor dan dihubungi oleh jambatan yang disebut Tambak Johor.

Singapura merupakan pelabuhan terbesar di Asia Tenggara dan salah satu yang terbesar di dunia selepas Hong Kong dan Rotterdam.

Ibu negara Republik Singapura ialah Singapore City.



Bandar raya Singapura

Mukabumi, Sungai dan Saliran


Kira-kira dua pertiga daripada tanah besar di Singapura kurang daripada 15 meter dari paras laut. Puncak tertinggi iaitu Bukit Timah, hanya setinggi 162 m.

Singapura mempunyai banyak anak sungai. Anak-anak sungai ini pendek sahaja. Kebanyakannya sungai ini, terutamanya yang mengalir ke utara, ditumbuhi paya bakau di pinggir muaranya. Sungai terpanjang ialah Sungai Seletar. Panjangnya kurang daripada 16 km. Walaupun Singapura menerima purata jatuh hujan sebanyak 2,500 mm setahun, namun negara tersebut masih bergantung kepada Malaysia untuk mendapatkan bekalan air.

Iklim

Oleh kerana terletak terlalu dekat dengan Garisan Khatulistiwa, Singapura mengalami iklim tropika, iaitu panas dan lembap. Purata suhu bulanan berbeza iaitu dari 27 °C dalam bulan Jun hingga 25 °C dalam bulan Januari. Suhu tertinggi yang pernah tercatat ialah 35 °C.

Jatuhan hujan di pulau ini juga sekata iaitu 250 mm (10 inci) sebulan antara Disember dan Mac, ketika angin Monsun Timur-laut bertiup. Angin ini membawa hujan lebat. Hujan yang dibawa oleh angin dari Barat-daya yang bertiup dari Mei hingga September juga tidak kurang. Dalam musim ini jatuh hujan ialah kira-kira 178 mm (7 inci).



Singapura yang meliputi keluasan kira-kira 572 km persegi dan terletak 137 km ke utara Khatulistiwa

Tumbuhan dan Hidupan Liar

Hanya kira-kira 5% daripada keluasan Singapura diliputi hutan. Kebanyakan kawasan hutan asal di pulau ini telah diterangkan untuk dibangunkan. Cuma sedikit sahaja tumbuh-tumbuhan ataupun hidupan binatang asal yang masih kekal di republik ini.

Beberapa ribu ekar hutan hujan simpan yang terselamat daripada arus pembangunan terletak di kawasan tadahan air. Kawasan ini di bawah jagaan Perbadanan Alam Semulajadi.

Pokok-pokok bakau masih banyak terdapat di bahagian barat laut.



Kegiatan Ekonomi

Ekonomi Singapura agak unik. Berbeza jika dibandingkan dengan kebanyakan negara lain di Asia Tenggara, Singapura tidak menghasilkan bahan mentah. Meskipun begitu ekonomi negara ini banyak bergantung pada pemprosesan bahan mentah. Malahan Singapura telah muncul sebagai salah sebuah negara pengeluar bar-

ngan kilang yang terkemuka di Asia dan juga di dunia. Singapura mengimport bahan mentah daripada negara-negara jiran.

► Keindahan bunga-bunga pelbagai warna boleh ditemui di Botanical Garden.

▼ Orangutan, spesies yang cuma terdapat di Kepulauan Borneo, juga boleh ditemui di Singapore Zoological Gardens.



Pertanian

Kira-kira 10% daripada kluasan tanah di Singapura sesuai untuk pertanian. Walau bagaimanapun tanahnya tidak begitu subur. Hanya separuh daripada kluasan tersebut digunakan untuk pertanian. Dengan menggunakan teknik-teknik moden kegiatan pertanian dijalankan secara intensif dan merupakan antara yang paling produktif di dunia. Hampir semua tanah pertanian diusahakan untuk tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan binatang ternakan untuk pasaran tempatan. Kegiatan pertanian menyumbangkan hanya 1% kepada KDNK Singapura.

Tangkapan ikan kebanyakannya dilakukan di kawasan perairan tempatan dan bekalan tambahan diperoleh dari ikan air tawar yang diternak dalam kolam-kolam yang dibina di kawasan-kawasan ladang.

Ayam diternak untuk keperluan daging dan telur yang dihasilkan melalui sistem 'penternakan kilang'. Babi juga diternak secara intensif di tempat-tempat tertutup di bawah kawalan kerajaan. Hampir sejuta babi dihasilkan setiap tahun

melalui cara ini. Oleh kerana keperluan tanah untuk pembangunan kilang dan perumahan kian meningkat, bilangan ladang di Singapura menjadi semakin berkurangan setiap tahun. Singapura mengimport sebahagian besar daripada keperluan makanan rakyatnya.

Perindustrian

Perkembangan sektor perindustrian sungguh menggalakkan. Rakan dagang utama Singapura termasuklah Malaysia, Jepun, Kesatuan Negara-negara Eropah, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

Singapura tidak mempunyai sebarang



Kilang membuat mee

simpanan batu arang, minyak atau gas. Sungai-sungai yang ada pula tidak sesuai untuk menjana kuasa elektrik hidro. Oleh itu sektor perindustrian di negara ini bergantung sepenuhnya pada minyak yang diimport. Pusat perindustrian yang utama terdapat di Jurong. Penggunaan per kapita tenaga elektrik adalah yang tertinggi di Asia Tenggara.

Sektor pembuatan merupakan yang paling penting. Lebih 25% daripada KDNK disumbangkan oleh sektor ini. Lebih 25% daripada tenaga pekerja di negara ini terlibat dalam sektor pembuatan.

Jenis barang yang dihasilkan di Singapura banyak sekali. Antara barangannya ialah ubat-ubatan, barang elektrik, peralatan pejabat, pakaian, majalah, surat khabar dan buku.

Pengangkutan

Sebagai salah sebuah pelabuhan yang terbesar di dunia, Singapura menjadi teras pengangkutan yang utama. Perkapalan masih merupakan sistem pengangkutan antarabangsa yang paling



Kemudahan pelabuhan turut disediakan untuk pedagang-pedagang kecil.

SINGAPURA

penting. Hari ini Pelabuhan Singapura merupakan pelabuhan yang paling sibuk di dunia.

Lapangan terbang antarabangsa di Changi menyediakan perkhidmatan tercanggih dan terkini, juga merupakan lapangan terbang yang termoden di Asia Tenggara.

Rangkaian jalan raya sungguh teratur. Jalinan landasan kereta api pula menghubungkan Singapura dengan Malaysia dan terus ke Negeri Thai.

Sejarah

Semenjak ratusan tahun Singapura telah menjadi tumpuan para pedagang. Nama asal pulau ini ialah "Temasik". Menurut legenda, nama Singapura diambil bersempena nama singa yang ditemui di pulau ini oleh pendatang-pendatang awal yang mendarat di sini.

Pada tahun 1819, Stamford Raffles, wakil kerajaan British, mendapat kebenaran daripada Sultan Hussein Muhammad Shah untuk



Masyarakat majmuk di Singapura terdiri dari kaum Cina, India dan Melayu. Kaum Cina merupakan penduduk paling banyak manakala kaum Melayu adalah penduduk asal di republik itu.



Patung Sir Stamford Raffles

membuka pangkalan British. Bermula dari detik ini British telah mengukuhkan cengkamannya ke atas pulau strategik ini.

Pada tahun 1867 Singapura menjadi sebahagian daripada Negeri-negeri Selat yang ditadbir terus dari London.

Pada tahun 1942, Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun. Selama tiga setengah tahun Jepun menguasai pulau ini. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Singapura kembali ditadbir oleh British. Dalam tahun 1963 Singapura menganggotai Malaysia bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak. Namun gagasan ini tidak kekal lama. Singapura keluar dari gagasan ini dan telah menjadi negara yang merdeka pada 22 Disember, 1965.



BRUNEI

Nama rasmi: Negara Brunei Darussalam

Keluasan: 5 765 km persegi

Negara jiran: Malaysia, Filipina dan Indonesia

Ibu negara: Bandar Sri Begawan

Ketua Negara: Sultan

Ketua Kerajaan: Perdana Menteri (Sultan)

Mata Wang: 1 brunei dollar = 100 cents

Bahasa Rasmi: Bahasa Melayu

Agama Rasmi: Islam

Import: Bahan-bahan makanan dan beras.

Eksport: Minyak dan gas asli.

B

runei Darussalam pada asasnya membawa maksud 'Kediaman Damai'. Dari segi saiz, Brunei hanya sebuah negara yang kerdil, namun negara kecil ini adalah antara beberapa buah negara yang terkaya di dunia.

Jiran yang terdekat dengan negara ini ialah Malaysia, Indonesia dan Filipina. Sarawak, yang dahulu dikenali sebagai Malaysia Timur, mengelilingi Brunei dari semua arah. Malah sebahagian daripada kawasan Sarawak menerjah masuk ke arah utara hingga memisahkan Brunei menjadi dua bahagian. Bahagian di sebelah barat adalah yang paling besar antara dua bahagian ini. Laut China Selatan yang luas terbentang di depannya memisahkan Brunei dari tanah besar Vietnam dan gugusan pulau-pulau Filipina.



Pemerintah Negeri Brunei Darussalam, Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Muka Bumi, Sungai dan Saliran

Dataran persisiran pantai yang sempit di sebelah barat laut Brunei menganjur sejauh 90km di sepanjang pantai-pantai terumbu karang. Di wilayah Brunei bahagian sebelah barat terdapat Lembah Belait, Tutong dan rangkaian sungai-sungai yang menghala ke arah utara menuju laut dalam. Pada keseluruhannya keadaan tanah di sini berbukit-bukau dengan purata ketinggian melebihi 500m dari paras laut. Di wilayah yang menjadi bahagian utara Brunei pula terdapat Lembah Sungai Temburong.

Brunei mengalami cuaca tropika. Suhu di sini boleh dikatakan stabil sepanjang tahun pada ukuran 24 - 30° Celsius. Purata taburan hujan dalam setahun melebihi kadar 2 500mm di kawasan pantai. Manakala di kawasan pedalamatan taburan hujan agak tinggi, iaitu 3 800mm setahun.



Lebih 80% daripada permukaan bumi Brunei dililiti hutan, dan 60% daripadanya adalah hutan hujan utama yang belum tercemar.


Angin monsun timur laut membawa hujan dari bulan November hingga Mac. Manakala ketibaan musim hujan bulan Jun hingga Ogos dibawa oleh angin monsun barat daya. Taburan hujan yang lebat menjadikan hampir separuh negara Brunei ditumbuhi hutan tropika yang tebal. Hutan-hutan ini kaya dengan pokok kayu keras yang bermutu tinggi.

Di sepanjang persisiran pantai, pokok-pokok kasuarina (rhu) tumbuh dengan subur manakala di kawasan bertanah gambut dan paya hutan bakau tumbuh subur terutamanya di sepanjang hulu Belait, Sungai Tutong dan di sekitar Pekan Muara, iaitu kawasan petempatan yang paling hujung di timur laut bahagian barat Brunei. Hanya dua peratus daripada keluasan tanah di negara ini sesuai untuk pertanian.

Hidupan liar di sini agak banyak. Harimau, singa, pelbagai jenis monyet, burung, cicak dan ular terdapat di negara ini. Sumber semula jadi Brunei yang utama ialah minyak dan gas asli.

Ekonomi

Ekonomi Brunei berkembang dengan pesat. Kawasan telaga minyak dan gas asli yang banyak menjamin masa depan yang cerah bagi negara ini. Hasil bumi yang kaya, pengurusan kewangan yang cekap, ditambah dengan jumlah penduduk yang sedikit, melonjakkan nama Brunei sebagai antara negara yang terkaya di dunia.



Suasana pasar pagi Jumaat



Minyak menjadi sumber ekonomi utama bagi negara Brunei

Sektor pertanian menyumbang sebanyak 1% terhadap ekonomi negara. Sumbangan yang kecil ini tidak menghairankan kerana kurang daripada 4% tenaga kerja terlibat dalam

bidang ini. Industri getah yang dahulunya menjadi penyumbang yang utama ekonomi Brunei, kini tercorot ke belakang sebaik sahaja minyak ditemui pada tahun 1929 dan gas asli pada tahun 1965. Hampir empat perlita keperluan makanan Brunei diimport, termasuk beras. Ladang-ladang lada hitam dibuka di sana sini di seluruh Brunei tetapi tanaman ini tidak dieksploti sepenuhnya bagi tujuan ekonomi. Begitu juga tanaman-tanaman lain seperti

beras, kelapa dan sagu ditanam secara kecil-kecilan. Ringkasnya, bidang pertanian di Brunei diusahakan secara sambilan sahaja.

Industri perlombongan dan pembuatan, menyumbang kira-kira dua perlima pada ekonomi Brunei. Dalam sektor ini industri minyak memainkan peranan utama. Brunei Shell Petroleum yang dimiliki bersama oleh kerajaan dan sebuah syarikat Belanda adalah pengusaha minyak yang terbesar di Brunei.

Minyak dilombong di telaga luar pantai antara Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Dari sini, kemudian diproses di Seria. Sebahagian besar disalur ke Sarawak. Pembinaan loji memproses gas asli di Lumut telah berjaya meningkatkan penghasilan gas asli bagi tujuan eksport.

Dalam usaha menarik banyak pelabur asing membuka industri-industri baru di Brunei, kerajaan menawarkan pengecualian cukai yang tinggi, tetapi umpanan ini tidak menarik minat para pelabur disebabkan Brunei mempunyai tenaga buruh yang kecil.

Rakyat Brunei tidak dikenakan cukai pendapatan. Kerajaan memperoleh sumber kewangannya dari cukai-cukai sampingan. Sebahagian besar peruntukan kerajaan disalurkan

untuk pembangunan manakala selebihnya dilaburkan di luar negara untuk jaminan jangka panjang. Rakan dagang Brunei yang utama adalah Jepun, Britain, Thailand, Korea Selatan, Singapura dan Amerika Syarikat. Brunei menjual hasil buminya ke negara-negara ini. Sebagai balasan negara-negara ini membekalkan keperluan jentera dan makanan.



Boeing 737, kapal terbang diraja Brunei yang pertama.

Dari segi pengangkutan, Brunei masih ketinggalan. Sistem jalan raya di sini tidak sempurna. Sungai masih merupakan kaedah pengangkutan yang utama khususnya di kawasan pedalaman. Royal Brunei Airline yang ditubuhkan pada tahun 1974 adalah satu-satunya syarikat penerbangan di negara ini. Di Pekan Muara terdapat pelabuhan laut dalam yang dibuka pada tahun 1973.

Sistem Kerajaan

Di bawah perlembagaan 1959 (Banyak fasal di dalamnya tidak lagi dilaksanakan sejak tahun 1962), Brunei adalah kerajaan kesultanan Islam di bawah naungan British. Sultan diberi nasihat oleh Badan Penasihat Raja. Urusan pentadbiran diletak di bawah jagaan jemaah menteri. Selain mereka, 20 orang calon dipilih untuk menganggotai majlis undang-undang. Sultan dibenarkan melantik seorang speaker.

Apabila Brunei merdeka pada tahun 1984, sultan membubarkan majlis penasihat raja dan jemaah menteri peninggalan kerajaan British lalu digantikan dengan tujuh anggota kabinet dengan baginda sendiri bertindak sebagai Perdana Menteri. Majlis penasihat undang-undang dikenalkan, tetapi anggota-anggotanya dilantik sendiri oleh sultan.


Brunei adalah negara kebajikan. Semua keperluan rakyat diurus sebaik mungkin. Ini termasuklah memberi perkhidmatan percuma pada sektor pendidikan dan kesihatan. Rancangan penanaman yang meluas turut disediakan untuk rakyat. Bagi murid-murid luar bandar, kemudahan asrama dan pengangkutan adalah per-

cuma. Bahasa pengantar di sekolah-sekolah adalah bahasa Melayu, Inggeris dan Cina.

Siaran radio dan tv berada di bawah kawalan kerajaan. Kegiatan kebudayaan diberi galakan oleh Biro Bahasa dan Sastera, yang turut menerbitkan majalah-majalah berkala, buku kanak-kanak dan karya-karya terjemahan. Salah satu projek besar badan ini ialah mengendalikan penerbitan kamus yang merangkumi loghat-loghat tempatan.

Muzium Brunei mempunyai sebuah perpustakaan dan sebuah pusat seni serta kraftangan.

Muzium Diraja Regalia



Penduduk

Majoriti penduduk Brunei adalah Melayu. Cina, India dan kaum-kaum asli yang lain adalah kumpulan minoriti. Islam menjadi agama rasmi di sini dan bahasa Melayu adalah bahasa rasminya. Pun begitu bahasa Inggeris digunakan secara meluas.

60% penduduk Brunei bertumpu di kawasan bandar, khususnya Bandar Seri Begawan dan di sekitar Seria serta Kuala Belait, dua kawasan yang kaya dengan hasil minyak. Keadaan ini menjadikan daerah pedalaman kurang diduduki. Penduduk utama di sini ha-

nya merupakan kaum asli yang mengamalkan corak pertanian pindah.

Salah satu corak perkampungan yang popular di Brunei ialah Kampung Ayer.



Kampung Ayer yang mempunyai hampir 30 000 penduduk.



Kampung Damai - masih mengamalkan cara hidup kuno di hutan Borneo.

Kampung Ayer menjadi penempatan yang penting untuk tujuan perdagangan semasa abad ke-15, terutama selepas kejatuhan Empayar Melaka, dan juga semasa pemerintahan Sultan Brunei Kelima. Dalam tahun 1521, dianggarkan 25 000 ahli keluarga menetap di Kampung Ayer.

Sejarah

Abad ke-6 menampakkan Brunei mengadakan hubungan dagang dengan China. Untuk menjaga kepentingannya, Brunei menyatakan taat setia pada kerajaan Majapahit Jawa yang sangat berkuasa pada waktu itu. Brunei kemudian keluar dari bayangan kerajaan Majapahit apabila arus perkembangan agama Islam melanda negara ini dan kerajaan Majapahit sendiri semakin lemah.

Sultan Brunei kini berkuasa penuh ke atas semua gugusan pulau yang berhampiran termasuk Borneo dan Kepulauan Sulu. Bagaimanapun kedaulatan kesultanan Brunei yang merdeka tidak dapat bertahan lama. Pada tahun 1521, apabila Ferdinand Magellan, petualang dari Portugis itu berlabuh di Brunei, maka bermulalah detik-detik malang bagi kesultanan Brunei.

Portugis dan Belanda saling berlumba untuk menjarah kemakmuran yang ada di Brunei dan gugusan-gugusan pulau sekitarnya. Dalam suasana kacau-bilau ini kerajaan Sulu mengambil kesempatan untuk keluar dari pengaruh Sultan Brunei. Kerajaan Sulu juga berjaya menguasai Borneo yang sebelum ini di bawah jajahan Brunei.

Apabila Belanda berjaya mengusir Portugis, kerajaan Belanda mula menceroboh satu demi satu tanah jajahan Brunei dan membuka

penempatan-penempatan baru. Akhirnya menjelang abad ke-19 wilayah Brunei yang luas itu hanya tinggal Sarawak dan Sabah. Itu pun wilayah Sarawak yang luas kemudian terlepas ke tangan seorang askar British bernama James Brooke. Brooke mendapat Sarawak sebagai hadiah daripada Sultan Brunei kerana jasanya menumpaskan satu pemberontakan.

Pada tahun 1847, Brunei membuat perjanjian perdagangan dan ketenteraan dengan kerajaan Britain. Di bawah perjanjian ini kerajaan Britain bersetuju memerangi kegiatan lanun yang bermaharaja lela di perairan Laut China Selatan. Sebagai balasan Britain dibenarkan membuka petempatan-petempatan baru di wilayah Brunei untuk meluaskan usaha dagang mereka.

Akhirnya daripada pujuhan yang berdikit-dikit ini, Brunei langsung diletakkan di bawah naungan kerajaan Britain pada tahun 1888. Sultan tidak lagi berkuasa kerana semua keputusan penting dibuat oleh pihak British.

Masuk Perang Dunia ke-2, Brunei jatuh ke tangan tentera Jepun dan kemudian dibebaskan oleh tentera Australia pada tahun 1945. Selepas tamat perang, Brunei diletakkan kembali di bawah pentadbiran tuan lamanya, iaitu Britain.

Brunei hanya mencapai kemerdekaan pada 1 Januari, 1984, lama selepas semua jirannya di Asia Tenggara telah terlepas dari penajah asing.



FILIPINA

Nama rasmi: Republik Filipina

Keluasan: 300 000 km persegi

Negara jiran: Malaysia, Brunei D.S., China, dan Jepun

Ibu negara: Manila

Ketua Negara: Presiden

Ketua Kerajaan: Presiden

Mata Wang: 1 peso = 100 centavos

Bahasa Rasmi: Bahasa Tagalog

Agama Rasmi: Kristian

Import: Minyak, keluli, alat jentera dan alat ganti motor.

Eksport: Komponen elektrik, pakaian, hasil-hasil kelapa, pisang dan kimia.

Filipina terdiri daripada kira-kira 7,100 pulau. Pulau yang paling besar ialah Pulau Luzon (104 688 km persegi) dan diikuti oleh Pulau Mindanao (94 630 km persegi).

Muka bumi Filipina adalah beragam; akibat letusan gunung-gunung berapi pada masa lalu.

Puncak gunung yang tertinggi di Filipina adalah puncak Gunung Apo iaitu 2 954 meter. Gunung ini terletak di bandar Davao, Pulau Mindanao.

Tasik yang terbesar di Filipina adalah Laguna de Bay yang terletak di Pulau Luzon. Tasik ini mempunyai keluasan 922 km persegi.

Ibu negara Filipina adalah Manila yang terletak di Pulau Luzon.



Manila, ibu negara Filipina.



▲ ► Filipina: Gunung berapi yang sudah tidak aktif dan pantainya yang indah... antara lokasi semula jadi yang menjadi tarikan pelancong.

Lebih satu pertiga daripada muka bumi Filipina masih dilitupi hutan. Hutan tersebut kaya dengan kayu-kayu keras yang berharga seperti mahogani dan kayu-kayu lembut seperti pain.

Hutan Filipina juga kaya dengan flora dan fauna aslinya. Terdapat kira-kira 800 spesies orkid dan sekurang-kurangnya 56 spesies kelawar.

Filipina juga kaya dengan pelbagai mineral.



Antara mineral yang dilombong adalah emas, perak, bijih besi, tembaga, plumbum, nikel, mangan, petroleum mentah, dan batu kapur.

Penduduk

Penduduk Filipina dikenali sebagai 'Filipinos'. Mereka berasal daripada rumpun Melayu. Bagaimanapun, banyak berlaku perkahwinan campur dengan orang Cina, Amerika dan Sepanyol.

Bahasa pertuturan yang utama adalah bahasa Tagalog (Pilipino) dan dikuti oleh bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa yang lain adalah Cebuano, Ilocano, Hiligaynon dan Bicol.

Lebih empat perlita daripada penduduk Filipina ialah penganut Roman Katolik. Ini diikuti oleh penganut agama Islam dan lain-lain agama.

Ekonomi

Ekonomi Filipina banyak bergantung kepada sektor pertanian, industri ringan dan perkhidmatan.

Tanaman untuk eksport terdiri daripada kelapa, tebu, pisang, nanas, abaka dan tembakau.

Kelapa merupakan eksport utama Filipina. Kelapa dieksport dalam bentuk kopra atau yang

sudah diproses menjadi minyak masak. Tebu, eksport kedua besar negara ini pula dieksport selepas siap diproses menjadi gula.

Beras dan jagung pula ditanam untuk keperluan tempatan. Kerajaan cuba melipatgandakan pengeluarnya dengan memperkenalkan sistem saliran dan benih yang lebih baik tetapi hasil yang diperolehi masih tidak mencukupi.

Pembalakan memberikan hasil yang lumayan. Tetapi aktiviti ini terpaksa diawasi kerana banyak berlaku pembalakan haram

Sawah berteres di Filipina.






Tebu - salah satu eksport utama Filipina.

yang menyebabkan hutan Filipina semakin mengecil. Negara pengimpor balak Filipina yang utama ialah Jepun, England dan Amerika Syarikat.


Kerajaan Filipina menghadapi masalah pengangguran yang tinggi. Sebagai jalan keluar, kerajaan menekankan pertumbuhan industri-industri yang banyak menggunakan buruh tempatan. Antaranya adalah industri pemprosesan makanan, minuman dan petroleum, industri penghasilan tekstil, pakaian dan kasut, serta kilang-kilang elektronik. Bagaimanapun usaha ini belum memadai. Masih ramai yang menganggur.

Ramai rakyat Filipina yang bekerja di luar negara. Keadaan ini amat penting bagi ekonomi Filipina dari segi pertukaran wang asing.

Laluan perdagangan yang utama di Filipina adalah kapal terbang dan kapal laut. Lapangan terbang antarabangsa terletak di Manila dan Pulau Macatan. Pelabuhan utamanya pula terletak di Manila.



Antara buah-buahan tropika yang terdapat di Filipina.



Sistem Kerajaan

Presiden merupakan ketua kerajaan dan ketua negara Filipina. Tampuk pemerintahan negara dipegang oleh presiden. Bagaimanapun, penggal pentadbiran seseorang presiden telah ditetapkan selama enam tahun sahaja. Selepas itu, undian akan dilakukan lagi.

Untuk menangani tugas-tugas pentadbiran negara, presiden melantik satu jawatankuasa

Antara lokasi menarik yang menjadi tarikan pelancong di Filipina.

kabinet. Setiap ahli ada bidang tugas masing-masing.

Sistem kehakiman Filipina diletakkan di bawah kuasa Mahkamah Agung yang tidak terikat pada sebarang kuasa politik.

Kebebasan akhbar adalah terkawal. Mereka dinaungi oleh perlembagaan.

FILIPINA



Bangunan bersejarah, Fort Santiago.

Sejarah

Para pedagang dari China dikatakan telah datang bermiaga dan sesetengahnya terus menetap di Filipina sejak kira-kira 1000 SM. Tetapi pengaruh mereka terhadap penduduk tempatan Filipina tidak kuat.

Pada waktu itu penduduk tempatan Filipina menjalankan kegiatan pertanian pindah, berburu, dan menangkap ikan. Mereka adalah pengamal kepercayaan animisme.

Pada kurun yang sama, Islam mulai bertapak, terutamanya di Mindanao. Filipina kemudiannya mulai menerima pengaruh barat selepas kedatangan Ferdinand Magallen, seorang penjelajah Eropah.

Pada penghujung kurun ke-16, tentera-tentera paksaan Sepanyol tiba di Filipina. Mereka bukan sahaja menjajah Filipina, malah mengaut hasil buminya dan mengembangkan ajaran Roman Katolik.

Semasa Sepanyol berkuasa, Manila dijadikan pusat pemerintahan dan pusat entrepot sutera dari China dan perak dari Mexico. Pelabuhan ini kemudiannya dibuka kepada penduduk tempatan. Ini adalah muslihat Sepanyol untuk mendapatkan gula dan abaka yang dihasilkan oleh penduduk tempatan.

Filipina kemudiannya terpaksa diserahkan kepada Amerika Syarikat. Penyerahan ini dibuat kerana Sepanyol kalah dalam Perang Amerika-Sepanyol (1898).

Bagaimanapun Amerika Syarikat hanya menguasai Filipina selama setengah abad sahaja. Usaha mereka untuk kekal berkuasa gagal kerana rakyat Filipina bangun meminta kebebasan.

Akhirnya Perang Dunia Kedua meletus. Jepun menguasai Filipina dan mengusir tentera Amerika Syarikat.

Selepas tamat perang, pada 4 Julai 1946, Filipina diisytiharkan sebagai sebuah republik. Manuel Roxas dilantik sebagai presiden yang pertama.



▲ ► Antara bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di Filipina.

Pada tahun 1965, Ferdinand E. Marcos diundi sebagai presiden Filipina yang baru. Kemudian beliau sekali lagi diundi sebagai presiden pada penggal yang berikutnya (1969). Beliau ialah orang yang pertama menjadi presiden selama dua penggal berturut-turut. Beliau bijak menjaga kepentingannya dengan mengisytiharkan undang-undang tentera pada tahun 1972.

Pada tahun 1981, undang-undang tentera ini terpaksa dimansuhkan atas desakan ramai. Bagaimanapun, Presiden Marcos tetap memegang teraju pemerintahan.

Peristiwa pembunuhan ketua pembangkang Filipina, Benigno Aquino pada tahun 1983 telah menyemarakkan bantahan terhadap pimpinan Presiden Marcos.

Pada tahun 1986, pilihanraya diadakan lagi dan Presiden Marcos menang setelah menggunakan pengaruh wang dan kuasanya. Rakyat sudah tidak tahan dengan gelagat Presiden Marcos lalu mengusirnya keluar dari Filipina.



Balu Aquino, Corazon yang sebelumnya tidak mempunyai sebarang cita-cita politik menerima perlantikan sebagai presiden atas desakan rakyat. Beliau ialah presiden wanita yang pertama. Beliau berusaha memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi Filipina. Beliau berundur dari jawatannya dan terus bersara dari arena politik selepas satu penggal sahaja. Kini jawatan presiden disandang oleh Fidel Ramos.

Indeks

A

Agung 13
Apo 35

B

babirusa 15
Bandar Seri Begawan 31, 34
Batik 19
Bicol 37
Bukit Timah 22

C

Cagayan 35
Cebuano 37
Changi 27

D

Davao 35

F

Ferdinand Magallen 34, 40

G

Garuda 20

H

Hiligaynon 37

I

Ilocano 37
Irian Jaya 12, 20

K

Kalimantan 12, 14, 15, 16
Kampung Ayer 34

Katolik 37
khatulistiwa 2
Kinabalu 2
Kinabatangan 2
Komodo 15
Krakatau 13

L

Laguna Bay 35
Laut China Selatan 1
Lembah Belait 29
Lumut 31
Luzon 35

M

Macatan 39
mahagoni 36
Manuel Roxas 41
Mindanao 35, 40
Moro 40
Melaka 9

N

Nasional 4
New Guinea 11, 12

P

Pahang 2
Parameswara 10
Pekan Muara 29, 32
Petroleum 31
Pulau Borneo 1
Pulau Palawan 37
Pulau Pinang 9

R

Rafflesia 14

Rajang 2

Riau 16

S

Sarawak 1, 3, 5, 8, 9, 28, 31

Selat Johor 21

Selat Melaka 1, 2

Seria 31, 34

Stamford Raffles 27

Sulu 34

Sumatera 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20

Sunda 13, 14I

T

Tagalog 37

Tanah Melayu 10

Temasik 27

Temburong 29

Tutong 29

U

Universiti Islam Antarabangsa 9

Penghargaan

Pusat Pelancongan Malaysia
Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam
Suruhanjaya Tinggi Singapura
Kedutaan Besar Filipina
Kedutaan Besar Indonesia